

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
[SEGAMBUT]**

TARIKH : 27 JULAI 2020 (ISNIN)

SOALAN

Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [Segambut] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan butiran geran penubuhan TASKA di tempat kerja sektor awam sebanyak RM30 juta menerusi Belanjawan 2020 termasuk status pelaksanaan terperinci, jumlah permohonan diterima, diluluskan dan ditolak serta apakah usaha yang telah diambil untuk mengutamakan golongan barisan hadapan seperti di hospital.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa berusaha untuk meningkatkan bilangan TASKA yang berdaftar bagi menyediakan penjagaan yang selamat dan berkualiti kepada kanak-kanak apabila ibu bapa mereka keluar bekerja terutama kepada golongan barisan hadapan semasa musim Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Kementerian telah memperuntukkan Geran Penubuhan TASKA di Tempat Kerja Sektor Awam (TTKA) sebanyak RM30 juta menerusi peruntukan Belanjawan 2020. Walau bagaimanapun, sehingga berakhir tempoh permohonan pada 30 Jun 2020, Kementerian telah menerima sebanyak 45 permohonan daripada pelbagai Kementerian dan Pejabat Kerajaan Negeri. Sebanyak 34 permohonan dengan nilai RM5.5 juta telah diluluskan dan 11 permohonan telah ditolak kerana tidak memenuhi syarat yang telah ditetapkan. Di antara yang telah diluluskan TASKA baru ialah:

- i. Kementerian Kesihatan Malaysia – 16 buah;
- ii. Kementerian Pendidikan Malaysia – 10 buah;
- iii. Kementerian Pengajian Tinggi – 2 buah;
- iv. Kementerian Belia dan Sukan – 1 buah;
- v. Jabatan Perdana Menteri – 1 buah;
- vi. Kerajaan Negeri Terengganu – 2 buah;
- vii. Kerajaan Negeri Pahang – 1 buah; dan
- viii. Kerajaan Negeri Kelantan – 1 buah.

Pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk membantu golongan barisan hadapan iaitu:

- i. Sebanyak 38 buah TASKA di hospital seluruh Malaysia telah beroperasi sepanjang tempoh PKP dengan anggaran 699 orang anak-anak golongan barisan hadapan telah mendapat manfaat; dan
- ii. Lima (5) buah TTKA dan TASKA Institusi telah diluluskan KKM dan MKN untuk golongan anak-anak di barisan hadapan.

SOALAN NO. : 06

Bantuan Khas TASKA untuk meringankan beban pengusaha TASKA untuk memulakan semula operasi dengan memenuhi SOP yang ditetapkan di mana peruntukan telah diberi sebanyak RM35 juta di mana sebanyak RM5,000 untuk sebuah TASKA Institusi dan TTKA manakala RM1,500 untuk sebuah TASKA di Rumah.

Kementerian berusaha menggalakkan penubuhan TASKA dengan menyediakan Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak PERMATA (KAP) secara atas talian untuk kemudahan kepada pengusaha dan pengasuh dengan nilai sebenar RM900 tetapi peruntukan melalui PENJANA sebanyak RM9 juta telah diperuntukkan untuk yuran KAP. Diharapkan dengan pelbagai inisiatif yang dilaksanakan ini dapat membantu pengusaha TASKA dan pengendali TASKA untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN
[SIK]**

TARIKH : 27 JULAI 2020 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Ahmad Tarmizi Bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik terkini penerima bantuan JKM di Malaysia di Negeri Kedah umumnya Daerah Sik khususnya serta langkah semakan untuk kenaikan sumbangan bantuan setiap kategori.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik jabatan, jumlah penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dari Januari hingga Jun 2020 ialah seramai 489,773 penerima di seluruh negara dengan peruntukan yang telah disalurkan adalah sebanyak RM899 juta. Manakala penerima bantuan JKM bagi negeri Kedah adalah seramai 42,221 penerima dengan peruntukan yang telah disalurkan adalah sebanyak RM80 juta. Manakala bagi Daerah Sik khususnya penerima bantuan adalah seramai 3,366 penerima dengan peruntukan sebanyak RM11.7 juta.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa menyemak kadar bantuan mengikut skim bagi memastikan kadar bantuan yang diterima adalah bersesuaian dari semasa ke semasa. Kenaikan kadar bantuan yang terakhir adalah pada bulan Januari tahun 2018 melibatkan skim berikut:

Bantuan Orang Tua (BOT) sebelum ini adalah RM300 sebulan telah dinaikkan kepada RM350 sebulan.

Elaun Pekerja Cacat (EPC) sebelum ini adalah RM350 sebulan telah dinaikkan kepada RM400 sebulan.

Bantuan Orang Kurang Upaya Tidak Berupaya Bekerja (BTB) sebelum ini adalah RM200 sebulan telah dinaikkan kepada RM250 sebulan.

Bantuan Penjagaan Orang Kurang Upaya Terlantar/ Pesakit Kronik Terlantar (BPT) sebelum ini adalah RM300 sebulan telah dinaikkan kepada RM350 sebulan.

KPWKM melalui JKM telah menyediakan bantuan kewangan kebajikan untuk meringankan beban kumpulan sasar buat sementara waktu sehingga kumpulan sasar ini mampu untuk keluar daripada kepompong kemiskinan dan mampu ke arah hidup berdikari. Ini adalah kerana,

SOALAN NO. : 11

bantuan kebajikan yang diberikan adalah bukan untuk menampung kos sara hidup sepenuhnya sebaliknya ia adalah untuk membantu meringankan beban kewangan yang dialami oleh kumpulan sasar untuk hidup yang lebih selesa dan sempurna.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD EDRIS
@ TUBAU [LIBARAN]**

TARIKH : 27 JULAI 2020 (ISNIN)

SOALAN

Datuk Zakaria Bin Mohd Edris @ Tubau [Libaran] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan:

- a) Statistik kes keganasan rumah tangga dan seksual sepanjang pelaksanaan PKP, mengikut jantina, umur dan negeri; dan
- b) Tindakan yang telah diambil oleh Kementerian terhadap suspek Keganasan dan jenis bantuan yang dihulurkan kepada mangsa dan keluarga.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani isu keganasan rumah tangga, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil tindakan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521]. Menerusi akta ini, Kerajaan memperuntukkan perlindungan undang-undang dalam situasi keganasan rumah tangga dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya. Tindakan segera akan dijalankan bersama agensi-agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), mahkamah dan agensi yang berkaitan bagi memastikan segala bentuk keganasan rumah tangga dapat dibendung.

- a) Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), semenjak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1 hingga PKP 4 bermula 18 Mac hingga 12 Mei 2020, sebanyak 190 kes aduan mengenai keganasan rumah tangga termasuk seksual telah dilayan oleh JKM di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut 9 kes adalah lelaki dan 181 kes adalah perempuan. Pecahan kes mengikut umur adalah seperti berikut iaitu:
- i. seorang (1) kanak-kanak berumur antara 7-12 tahun;
 - ii. 160 kes berumur antara 18-45 tahun;
 - iii. 26 kes adalah berumur antara 46 -74 tahun; dan
 - iv. 3 kes berumur 75 tahun ke atas.

Pecahan kes mengikut negeri adalah seperti berikut:

Bil.	Negeri	Jumlah
1.	Selangor	70 kes
2.	Johor	21 kes
3.	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	20 kes
4.	Pulau Pinang	15 kes
5.	Pahang	13 kes
6.	Perak	12 kes
7.	Kedah	11 kes
8.	Negeri Sembilan	8 kes

SOALAN NO. : 15

Bil.	Negeri	Jumlah
9.	Sabah	8 kes
10.	Kelantan	5 kes
11.	Terengganu	3 kes
12.	Melaka	3 kes
13.	Sarawak	1 kes
14.	Perlis	Tiada kes
15.	Wilayah Persekutuan Labuan	Tiada kes

- b) Tindakan yang diambil kepada suspek melibatkan dua (2) agensi iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM) berdasarkan bidang kuasa di bawah PDRM serta JKM berdasarkan Akta 521 iaitu melaksanakan program pemulihan bawah Seksyen 11, iaitu sekiranya Mahkamah dalam Perintah Pelindungan (PO) yang telah dikeluarkan kepada mangsa telah memerintahkan suspek menjalani program pemulihan.

Antara bantuan yang diberikan kepada mangsa dan keluarga pula adalah seperti berikut:

1. Perintah Perlindungan Kecemasan;
2. Membantu mendapatkan Perintah Perlindungan Interim daripada Mahkamah;
3. Membantu mendapatkan Perintah Perlindungan daripada Mahkamah;
4. Memberi perlindungan sementara di Tempat Selamat;
5. Memberi kaunseling dan perkhidmatan tele-kaunseling;
6. Memberi khidmat nasihat berkaitan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994; dan
7. Dirujuk ke agensi untuk bantuan sokongan lain.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : 27 JULAI 2020 (ISNIN)

SOALAN

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh manakah kejayaan di dalam pelaksanaan mengimplementasikan Pelan Strategi Kebangsaan bagi menangani punca perkahwinan bawah umur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan komited meneruskan usaha bagi menangani punca perkahwinan bawah umur melalui pelaksanaan Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur 2020 sehingga 2025. Pelan ini mengandungi pelbagai program dan tindakan yang akan dilaksanakan sehingga ke peringkat akar umbi untuk menangani enam faktor yang telah dikenal pasti sebagai punca perkahwinan bawah umur. Program dan tindakan yang dirancang sepanjang tempoh lima tahun pelaksanaan pelan akan mencerminkan isu-isu yang merentas pelbagai sektor seperti perundangan, keibubapaan, sistem sokongan sosial, pendidikan, kesihatan dan kesedaran.

Bagi memastikan pelaksanaan Pelan ini berjalan dengan lancar maka satu Jawatankuasa Pemandu yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian ditubuhkan untuk memantau pelaksanaan pelan serta perkembangan program dan tindakan yang telah dirancang bagi setiap strategi di bawah faktor. Selain itu, Jawatankuasa ini turut berfungsi sebagai platform untuk agensi pelaksana yang terlibat melaporkan pelaksanaan, isu dan cabaran serta cadangan penambahbaikan terhadap setiap program atau tindakan yang dilaksanakan. Jawatankuasa ini juga akan berkuat kuasa dari selama lima tahun sepanjang tempoh pelaksanaan Pelan. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu bilangan 1 bagi tahun 2020 juga dirancang untuk diadakan pada bulan Ogos tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian juga bercadang untuk mengadakan beberapa siri konsultasi di semua negeri mengenai cadangan kenaikan had umur perkahwinan bagi lelaki dan perempuan. Kementerian juga akan meneruskan usaha untuk mengadakan perbincangan bersama UNICEF yang tertangguh disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sesi libat urus juga akan diadakan dengan melibatkan kerjasama pelbagai pihak seperti Kementerian/Jabatan Kerajaan, Ahli Akademik, pakar hak asasi kanak-

SOALAN NO. : 46

kanak, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), agamawan serta wakil Kerajaan negeri Sabah dan Sarawak bersama komuniti dari etnik tertentu yang masih mengamalkan perkahwinan bawah umur melalui undang-undang adat.

Kita amat berharap supaya kerjasama dari semua pihak termasuk rakan daripada pihak pembangkang, ahli akademik, NGO dapat diteruskan sebagai rakan strategik bersama Kementerian dalam mengekang perkahwinan bawah umur ini dan seterusnya merealisasikan potensi penuh kanak-kanak di negara ini.